

31 OCT 1998

Mohamed-Kempen

GERAKAN PENERANGAN UNTUK JELASKAN KEKELIRUAN POLITIK, KATA MOHAMED

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Kementerian Penerangan akan melancarkan gerakan penerangan secara besar-besaran bagi memberi penjelasan mengenai kekeliruan politik yang timbul di kalangan rakyat berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti sejak September lepas.

Menteri berkenaan Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata pihaknya bertanggungjawab mengatasi kekeliruan itu supaya rakyat dapat menerima sebab mengapa bekas Timbalan Perdana Menteri itu dipecat.

"Tindakan kerajaan memecat Datuk Seri Anwar daripada kerajaan dan parti wajar diperjelaskan kerana nampaknya isu itu telah dikelirukan oleh sesetengah pihak sehingga menimbulkan apa yang disebut sebagai kekeliruan politik," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah Hari Kualiti kementerian itu di sini.

"Saya fikir Datuk Seri Anwar memang marah dia kena pecat, kerana dia (Anwar) marah, dia suruh orang lain marahlah ... sedangkan ini hak parti untuk memecat anggota dan juga hak Perdana Menteri memecat sebarang menteri yang dia fikir tidak layak," katanya.

Menurutnya perkara itu harus difahami oleh semua pihak kerana ia melibatkan perkara hak dan hak itu tidak boleh dipertikaikan.

Akibat kekeliruan yang berlaku, beliau berkata timbul golongan perosak masyarakat yang boleh menjejaskan kestabilan dan keselamatan negara.

"Kita mesti elakkan perosak masyarakat ini daripada bermaharajalela sehingga tidak mematuhi undang-undang negara. Tetapi saya tak fikir rakyat pada keseluruhannya bersetuju dengan apa yang golongan ini buat kerana masih ada rakyat yang ingin bersatu padu dan mahukan keamanan dan kestabilan negara," tambah beliau.

Menurutnya gerakan penerangan besar-besaran melalui komunikasi bersemuka telah dimulakan sejak sebulan lepas di seluruh negara melalui radio dan televisyen. Ia antara lain memberi penjelasan tentang kegawatan ekonomi yang masih berlaku dalam negara.

Mohamed juga berkata Bahagian Pelesenan dan Pengiklanan di Kementerian Penerangan akan dipindahkan ke kementerian baru iaitu Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Katanya semua urusan permohonan pelesenan dan kelulusan pengiklanan untuk radio dan televisyen akan dikendalikan oleh satu suruhanjaya bebas yang dibentuk di bawah Akta Multimedia. Selain itu penyeliaan ke atas semua stesyen televisyen dan radio swasta akan dikendalikan oleh suruhanjaya bebas ini.

Beliau berkata fungsi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) kini hanyalah untuk menguruskan hal ehwal penerangan kerajaan sahaja kerana itu ia dikekalkan di bawah seliaan Kementerian Penerangan.

"Soal kandungan berita stesyen tv dan radio swasta juga akan diserahkan kepada suruhanjaya kecuali RTM, yang akan mengendalikan program untuk kerajaan sahaja," kata beliau.

Katanya kerajaan juga telah memutuskan untuk mengubah struktur RTM kepada satu badan korporat atau syarikat kerajaan bagi membolehkannya bersaing dengan badan swasta penyiaran yang lain.

"Struktur RTM harus diubah, ia tidak boleh dikekalkan sebagai jabatan kerajaan kerana akan wujud hambatan yang terlalu sukar untuk kita," katanya.

"Jika RTM dijadikan satu badan korporat atau syarikat kerajaan, kemungkinan akan ada sedikit kelonggaran daripada segi pengambilan dan pemecatan serta peraturan kewangan yang akan memudahkan lagi tugas dan tanggungjawab kita," katanya.

Beliau berharap kajian mengenai penstrukturan semula RTM itu dapat disegerakan untuk dilaksanakan seawal-awalnya tahun depan.

-- BERNAMA

WNZ oba